

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU
[40 markah]

TEMA : EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN

SOALAN 1

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

BUDAYA KAD KREDIT



Kad kredit didefinisikan sebagai wang plastik yang digunakan sebagai pengganti wang tunai. Antara implikasi positif penggunaan kad kredit termasuklah memudahkan urusan harian. Hal ini demikian kerana seseorang pemegang kad kredit dapat berbelanja walaupun tiada wang tunai di tangan. Seterusnya, keselamatan pemegang kad kredit juga dapat dijamin. Dalam hal ini, pemegang kad kredit tidak perlu membawa wang dalam jumlah yang banyak ke mana-mana sahaja. Secara tidak langsung, pemilik kad kredit tidak perlu bimbang akan keselamatan mereka. Antara kesan buruk penggunaan kad kredit termasuklah berbelanja secara berlebihan mengikut nafsu semata-mata. Lebih serius lagi, pemegang kad kredit akan menanggung beban hutang yang banyak sehingga menyebabkan mereka muflis. Oleh hal yang demikian, kita haruslah bijak menggunakan kad kredit.

(Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada Majalah Dewan Siswa)

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU
[40 markah]

TEMA : JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

SOALAN 2

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PATRIOTISME DAN JATI DIRI



Rakyat yang cinta akan negara sentiasa rela berkorban untuk melakukan perkara yang mendatangkan kebaikan kepada negara. Kejatuhan sesebuah negara pasti berlaku jika rakyatnya tidak memiliki semangat jati diri dan patriotisme yang tinggi. Penjajahan yang dilakukan kini bukan lagi dalam bentuk ketenteraan semata-mata, sebaliknya turut dijajah dalam bentuk ekonomi, dasar pemerintahan, sosial, budaya, perdagangan dan hubungan antarabangsa. Sesebuah negara akan kembali dijajah jika rakyatnya tidak mementingkan soal perpaduan dan sikap hanya mementingkan kaum dapat menyebabkan perpecahan yang menjadi punca kepada keruntuhan negara. Masyarakat perlu berikrar dan berdiri teguh demi mempertahankan negara daripada segala bentuk ancaman yang mampu mendatangkan kemudaran kepada negara.

(Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada Majalah Dewan Siswa)

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU
[40 markah]

TEMA : KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

SOALAN 3

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KERACUNAN MAKANAN



Makanan ialah keperluan asas dalam kehidupan manusia dan berfungsi untuk memenuhi keperluan fizikal, fisiologi, psikologi dan sosial. Makanan yang disediakan tanpa kawalan kebersihan menjadi satu daripada punca wabak penyakit bawaan makanan. Makanan yang tidak bersih dan tercemar ini mungkin mengandungi bahan berbahaya atau bakteria yang boleh menyebabkan penyakit bawaan makanan seperti taun, keracunan makanan dan Hepatitis A yang boleh mengundang maut. Kes keracunan makanan di Malaysia dilaporkan kian meningkat dari tahun ke tahun. Menurut Kementerian Kesihatan, sejumlah 397 kes keracunan makanan dilaporkan berlaku dan melibatkan 9777 kes secara keseluruhan dari Januari hingga September 2013. Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah membuktikan bahawa antara 10 peratus hingga 20 peratus kes keracunan makanan berpunca daripada pengendali makanan.

(Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada Majalah Dewan Siswa)

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU
[40 markah]

TEMA : PELANCONGAN

SOALAN 4

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

PULAU DESTINASI PERCUTIAN



Pulau Redang merupakan satu daripada sembilan pulau yang membentuk Taman Laut Kepulauan Redang. Pulau Redang terletak di Laut China Selatan dan hanya dibuka kepada pelancong pada bulan Mac hingga Oktober pada setiap tahun. Keindahan Pulau Redang adalah setanding dengan keindahan pulau-pulau peranginan antarabangsa yang terkenal seperti Maldives. Rata-rata pengunjung yang bercuti ke Pulau Redang merupakan pengunjung yang meminati aktiviti selam skuba dan selam snorkel. Semuanya gara-gara hendak melihat keindahan dasar laut yang diwarnai dengan pelbagai spesies hidupan marin dan pesona terumbu karang. Terdapat beberapa lokasi selam skuba yang menjadi pilihan pelancong. Antaranya seperti Mak Cantik, Chagar Hutang dan Maritim Malaysia. Pulau Redang memiliki sejuta pesona dan kekayaan alam. Pantai-pantai yang terdapat di pulau ini menjadikan Pulau Redang seperti syurga kecil berisikan ribuan keindahan alam.

(Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada Majalah Dewan Siswa)

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU
[40 markah]

TEMA : PENDIDIKAN

SOALAN 5

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

KOPERASI MENDIDIK MURID



Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa mengiktiraf peranan koperasi sekolah dalam membantu membangunkan modal insan yang bersaing serta berpotensi memperkukuh bidang keusahawanan negara. Umum mengetahui bahawa koperasi merupakan medium yang membantu murid membeli barangan keperluan sekolah dengan harga yang berpatutan berbanding harga pasaran. Mereka bukan sahaja dapat membeli barangan dengan harga yang lebih murah, malahan dapat membantu koperasi sekolah meningkatkan hasil jualan mereka. Selain itu, faedah penubuhan koperasi juga memberi peluang kepada murid menimba pengalaman baharu dalam perniagaan. Secara tidak langsung, penglibatan murid dalam koperasi merupakan proses pembelajaran di luar bilik darjah. Di samping itu, penglibatan murid dalam mengendalikan urusan koperasi dapat mendidik mereka untuk mengamalkan nilai-nilai murni seperti sikap bertanggungjawab, menghargai pelanggan dan jujur dalam urusan jual beli. Oleh itu, jelaslah bahawa nilai-nilai positif dapat diterapkan dalam diri murid.

(Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada Majalah Dewan Siswa)

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU
[40 markah]

TEMA : SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

SOALAN 6

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

EVOLUSI KAD PENGENALAN



Kad pengenalan pada mulanya diperkenalkan oleh pemerintah Inggeris di Malaya bagi membendung ancaman pengganas komunis pada tahun 1948. Kad pengenalan pertama dikenali sebagai “kad beras” kerana catuan makanan pada zaman darurat memerlukan bukti pengenalan diri untuk mendapatkan beras. Walau bagaimanapun, kad pengenalan telah melalui pelbagai perubahan selari dengan peredaran zaman. Jika dahulu kad pengenalan hanya sekeping kertas biasa tetapi kini kad pengenalan atau lebih dikenali sebagai MyKad mempunyai pelbagai fungsi dan ciri-ciri keselamatan. Antara ciri terpenting ialah kad ini diperbuat daripada bahan polikarbonat dan menggunakan cip baharu yang lebih berdaya tahan. Kad ini juga mempunyai imej berbayang yang menggunakan teknologi turisan laser pada permukaan kad bagi mengelakkan pemalsuan.

(Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada
 Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5)

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU
[40 markah]

TEMA : BAHASA DAN KESUSASTERAAN

SOALAN 7

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

BAHASA MELAYU BAHASA BERDAULAT



Tahukah anda bahawa terdapat lebih kurang tujuh ribu bahasa masih dituturkan di seluruh dunia pada masa ini? Sepuluh daripada bahasa tersebut dituturkan oleh lebih 3.6 bilion penduduk dunia. Bahasa Melayu tergolong dalam kumpulan sepuluh bahasa tersebut. Bahasa Melayu bahasa berdaulat. Bahasa ini didaulatkan oleh raja-raja dan rakyat Melayu di alam Melayu. Bahasa Melayu pada zaman Kesultanan Melayu menjadi tonggak perpaduan. Bahasa ini digunakan dalam segenap lapangan kehidupan, merangkumi pentadbiran, undang-undang, diplomasi, perdagangan, ilmu dan pendidikan. Bahasa itu sebahagian daripada roh bangsanya, mencerminkan sejarah, adab tertib dan etiket bangsa dalam sesuatu peradaban. Perkembangan tamadun sesuatu bangsa, dari segi keupayaan dan pencapaian intelek, tergambar dalam bahasa.

(Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5)

BAHAGIAN A : TAKSIRAN INDIVIDU
[40 markah]

TEMA : ALAM SEKITAR DAN TEKNOLOGI HIJAU

SOALAN 8

Baca dan fahami bahan rangsangan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

USAHAWAN KITAR SEMULA



Usahawan Kitar Semula (UKS) boleh didefinisikan sebagai mana-mana individu yang mendapat keuntungan wang ringgit dengan mengusahakan sesuatu perusahaan yang memberi input kepada aktiviti mengguna balik sesuatu bahan sama ada pepejal, cecair mahupun gas. Kewujudan industri kitar semula memberi peluang keemasan kepada usahawan dan bakal usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Amnya dua bentuk pertama perniagaan kitar semula, iaitu aktiviti berkaitan dengan pengumpulan dan pemprosesan bahan kitar semula untuk menghasilkan barangan baharu. Dalam aktiviti pertama, usahawan kitar semula bukan sahaja mendapat bekalan dari rumah dan premis perniagaan tetapi juga melalui pembekal yang mengumpul bahan tersebut secara kecil-kecilan, dan menghantar ke pusat pengumpul. Aktiviti kedua pula melibatkan sumber yang lebih besar kerana memerlukan mesin dan juga kepakaran. Proses ini biasanya dikendalikan oleh syarikat besar.

(Sumber : Dipetik dan diubahsuai daripada
 Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5)